

**Majlis Peguam Telah Menjadi Sebuah Parti Politik - Tun Dr Mahathir
Bernama
16 Mei, 2012**

PUTRAJAYA, 16 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Majlis Peguam telah menjadi sebuah parti politik memandangkan perhatiannya lebih kepada politik.

Oleh itu, beliau berkata ia sepatutnya membiarkan pertubuhan lain mengambil alih bahagian profesional bagi mengelakkan kekeliruan.

"Saya fikir sebuah badan profesional perlu memberi perhatian lebih kepada profesion tetapi ia jelas bahawa Majlis Peguam telah menjadi sebuah parti politik.

"Kemudian, kita ada Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), arkitek semua jadi parti-parti politik dan kemudian akan ada banyak kekeliruan," katanya kepada pemberita di Yayasan Kepimpinan Perdana pada Rabu.

Dr Mahathir mengulas satu cadangan untuk membentuk sebuah pertubuhan baru bagi peguam untuk mewakili profesion, kebajikan dan kepentingan undang-undang mereka, memandangkan Majlis Peguam yang ada gagal mempertahankan dirinya sebagai sebuah badan profesional yang berintegriti.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666607>